BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 09/05/66 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Rabu, 28 September 2005**

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Ogos 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Sistem perbankan terus kukuh pada bulan Ogos

Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun di bawah 5% kepada 4.9% pada bulan Ogos. Pembiayaan kepada sektor swasta meningkat pada bulan itu. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan Ogos, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul juga meningkat pada kadar tahunan 8.9%. Sektor isi rumah dan perniagaan menyumbang kepada pengembangan pinjaman terkumpul. Sementara itu, pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 9.2% dalam pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada bulan Ogos menyebabkan bahagian PKS kepada jumlah pinjaman sektor perniagaan terus meningkat.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 09/05/66 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Rabu, 28 September 2005**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OGOS 2005

Sistem perbankan terus kukuh pada bulan Ogos

Dalam pasaran wang, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil untuk berpurata pada 2.70% pada bulan Ogos, manakala kadar antara bank 1 bulan meningkat sedikit. Dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif stabil, masing-masing pada 5.91% dan 8.72%.

Sepanjang tempoh 1 Ogos – 27 September, ringgit menyusut nilai sedikit berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Penambahan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) berbanding dengan ringgit dalam keadaan jangkaan umum peningkatan kadar faedah di AS, disederhanakan sedikit sebanyak oleh kebimbangan pasaran terhadap impak daripada Taufan Katrina dan harga minyak yang tinggi atas pertumbuhan ekonomi AS.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 3.7% pada bulan Ogos disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan komunikasi serta makanan. Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan Julai, dengan Indeks Harga Pengeluar meningkat pada kadar tahunan 8.6%.

Kadar pertumbuhan agregat monetari secara relatif stabil pada bulan Ogos. Wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas, M3, berkembang masing-masing pada kadar tahunan 12.2% dan 12.3% pada akhir bulan Ogos.

Pembiayaan kepada sektor swasta meningkat pada bulan Ogos. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan Ogos, sementara jumlah pinjaman bank terkumpul juga meningkat pada kadar tahunan 8.9%. Pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencatat kadar pertumbuhan tahunan 9.2% dan mencakupi 42.1% daripada jumlah pinjaman sektor perniagaan terkumpul pada akhir bulan Ogos.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh adalah lebih tinggi sebanyak RM4.1 bilion pada bulan Ogos disebabkan terutamanya oleh terbitan baru PDS. Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM2 bilion, kebanyakannya daripada penerbitan semula MGS 1/05.

Sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.6% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.9%.

Kadar faedah secara relatif kekal stabil

Pada tempoh 1 Ogos – 27 September, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.68% - 2.72%, dengan purata 2.70%. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Sementara itu, ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif kekal stabil, masing-masing pada 5.91% dan 8.72% (masing-masing 5.90% dan 8.75% pada akhir bulan Julai).



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank 1 bulan meningkat sedikit



Pada bulan Ogos, operasi mudah tunai bertujuan untuk mengekalkan kadar antara bank semalaman yang stabil



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan stabil



Nisbah pembiayaan-deposit kekal stabil pada 84.7%

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
23 Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
23 Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan negatif pada bulan Ogos

Prestasi ringgit

Sepanjang tempoh 1 Ogos – 27 September, ringgit menyusut nilai sedikit berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan mata wang serantau. Dolar Amerika Syarikat (AS) menambah nilai berbanding dengan ringgit dalam keadaan jangkaan umum peningkatan kadar faedah di AS. Walau bagaimanapun, kebimbangan pasaran terhadap impak daripada Taufan Katrina dan harga minyak yang tinggi atas pertumbuhan ekonomi AS telah menyederhanakan takat peningkatan dolar. Euro menyusut nilai berbanding dengan ringgit disebabkan ketidakpastian politik di Jerman baru-baru ini, meskipun prospek pertumbuhan ekonomi Eropah bertambah baik. Yen menambah nilai berbanding dengan ringgit atas jangkaan berlakunya penerusan reformasi ekonomi di Jepun berikutan kemenangan Perdana Menteri Junichiro Koizumi dalam pilihan raya. Kebanyakan mata wang serantau turut bertambah kukuh berbanding dengan ringgit, kecuali dolar Singapura, rupiah Indonesia dan won Korea, yang bertambah lemah berbanding dengan ringgit. Rupiah menyusut nilai dengan ketara pada separuh kedua bulan Ogos disebabkan permintaan terhadap dolar untuk import minyak dan kebimbangan terhadap impak harga minyak yang tinggi atas subsidi bahan api kerajaan.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Julai 05	Ogos 05	27 Sept 2005	Akhir Dis. 04 - 27 Sept 2005	Akhir Jul 05 - 27 Sept 2005
Dolar AS	3.8000	3.7505	3.7698	3.7698	0.8	-0.5
Euro	5.1729	4.5475	4.6027	4.5351	14.1	0.3
Paun sterling	7.3169	6.5799	6.7605	6.6729	9.7	-1.4
100 yen Jepun	3.7026	3.3414	3.3985	3.3432	10.8	-0.1
Dolar Singapura	2.3258	2.2565	2.2395	2.2289	4.3	1.2
100 baht Thai	9.7636	8.9757	9.1178	9.1312	6.9	-1.7
100 peso Filipina	6.7706	6.6759	6.7098	6.6941	1.1	-0.3
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0382	0.0346	0.0368	11.1	3.8
100 won Korea	0.3671	0.3655	0.3648	0.3640	0.8	0.4
Renminbi China	0.4591	0.4626	0.4657	0.4667	-1.6	-0.9

Inflasi meningkat pada bulan Ogos

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 3.7% pada bulan Ogos (Julai: 3%). Kenaikan inflasi didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi kategori pengangkutan dan komunikasi, yang terjejas disebabkan semakan menaik harga produk petroleum runcit yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005. Harga makanan juga meningkat disebabkan sebahagian besarnya oleh harga daging dan ikan yang lebih tinggi. Sebaliknya, harga bagi kategori sewa kasar, bahan api dan kuasa kekal tidak berubah, manakala harga pakaian dan kasut terus merosot.



Inflasi meningkat kepada 3.7% pada bulan Ogos

Inflasi harga pengeluar terus meningkat

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 8.6% pada bulan Julai (Jun: 6.9%). Ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang berterusan dan pemulihan dalam harga getah, yang lebih daripada mengimbangi kemerosotan harga minyak sawit mentah. Tidak termasuk harga komoditi, inflasi IHPR meningkat kepada 2.8% (Jun: 1.8%), disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan binatang hidup yang lebih tinggi.



Inflasi IHPR terus meningkat

Pertumbuhan agregat monetari secara relatifnya stabil

Pada bulan Ogos, wang secara kecil atau M1, yang mewakili baki urus niaga, meningkat pada kadar tahunan 12.2% (Julai: 12.5%), manakala wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan 12.3% (Julai: 11.6%). Pada asas bulanan, M3 berkembang sebanyak RM6.6 bilion disebabkan oleh tuntutan yang lebih tinggi terhadap sektor swasta. Operasi luar negeri bersih juga mengembang pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, faktor pengembangan ini sebahagiannya diimbangi oleh kemerosotan dalam tuntutan bersih terhadap Kerajaan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Jul 05**	**Ogos 05**	**Jan-Ogos 05**
M3	68.0	-3.5	6.6	37.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	38.1	-1.0	-2.1	-16.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	-9.5	0.0	5.2	20.8
Pinjaman	*82.0*	*1.4*	*5.3*	*27.6*
Sekuriti	*90.0*	*-1.4*	*-0.2*	*-6.8*
Operasi luar negeri bersih *	-8.0	5.7	1.8	49.3
Pengaruh lain	-28.3	-8.2	1.7	-15.6

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, jumlah deposit yang digembleng oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM8.5 bilion atau 14.8% pada asas tahunan (Julai: -RM3.7 bilion atau 13.9%). Peningkatan pada sepanjang bulan disebabkan terutamanya oleh penempatan yang lebih tinggi dalam bentuk deposit tetap, instrumen deposit boleh niaga dan perjanjian pembelian semula oleh perusahaan perniagaan tempatan. Deposit individu juga meningkat pada bulan itu.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 05	**Jun 05**	**Jul 05**	**Ogos 05**
Kerajaan Persekutuan	646	968	-312	140
Kerajaan Negeri	55	219	182	297
Badan Berkanun [1]	1,495	386	-657	2
Institusi Kewangan	1,533	802	-1,912	-884
Perusahaan Perniagaan	7,645	-1,091	-1,567	8,124
Individu	586	1,248	539	1,281
Lain-lain [2]	1,178	23	13	-507
Jumlah	13,138	2,555	-3,714	8,454

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 05	**Jun 05**	**Jul 05**	**Ogos 05**
Deposit tetap	3,703	-2,003	2,190	3,540
NID	728	3,049	-6,344	3,058
Deposit permintaan	420	3,042	-1,671	316
Deposit tabungan	-195	342	-230	-160
Perjanjian beli balik (Repo)	138	612	2,739	1,624
Deposit mata wang asing	4,218	-3,379	-1,252	-147
Deposit SPI	3,681	347	717	94
Lain-lain	445	546	137	130
Jumlah	13,138	2,555	-3,714	8,454

Pembiayaan kepada sektor swasta lebih tinggi pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM46 bilion (Julai: RM44.2 bilion), iaitu peningkatan pada kadar tahunan 14.6% (Julai: -4.5%). Pembiayaan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi sebanyak RM44.2 bilion (Julai: RM41.7 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) meningkat pada kadar tahunan 8.9% (Julai: 8.8%).



Pembiayaan kasar sektor swasta bertambah kukuh pada bulan Ogos dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi.



Secara keseluruhan, permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	Jul	Ogos	Jul	Ogos
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.3	33.6	8.9	28.1
Kelulusan pinjaman	18.2	18.2	10.6	27.1
Pengeluaran pinjaman	41.7	44.2	1.3	14.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.6	5.2	8.7	8.9
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	14.3	16.4	2.7	3.6
Kelulusan pinjaman	9.0	9.1	12.0	25.1
Pengeluaran pinjaman	27.5	29.6	-1.9	13.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-1.5	1.0	2.6	3.0
PKS				
Permohonan pinjaman	6.0	6.3	16.6	23.1
Kelulusan pinjaman	3.2	3.8	11.9	39.8
Pengeluaran pinjaman	8.8	9.6	8.4	18.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.6	1.0	9.0	9.2
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.7	16.6	16.5	65.2
Kelulusan pinjaman	8.9	9.0	13.0	26.9
Pengeluaran pinjaman	12.4	12.8	6.4	16.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.5	3.9	15.1	15.0

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Penunjuk aktiviti pinjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah, meningkat



Pengeluaran pinjaman kekal menyeluruh

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), lebih tinggi pada bulan Ogos pada RM29.6 bilion, dan mengembang pada kadar tahunan 13.2%. Kadar pertumbuhan yang lebih kukuh itu disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang rendah. Kenaikan dalam pinjaman yang dikeluarkan adalah ketara di beberapa sektor perniagaan. Sementara itu, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah kekal pada paras RM12.8 bilion dan meningkat pada kadar tahunan 16.2%. Penunjuk hadapan, permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih tinggi bagi sektor perniagaan dan isi rumah.

Dalam keadaan pengeluaran pinjaman yang lebih kukuh serta pembayaran balik yang stabil, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan Ogos (akhir bulan Julai: 8.7%). Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah dan perniagaan masing-masing meningkat pada kadar tahunan 15% dan 3% pada akhir bulan Ogos (masing-masing 15.1% dan 2.6% pada akhir bulan Julai). Pengembangan dalam pinjaman perniagaan terkumpul telah disokong oleh kenaikan kukuh dalam pinjaman terkumpul kepada PKS, yang meningkat 9.2% (akhir bulan Julai: 9%). Bahagian PKS kepada jumlah pinjaman perniagaan ialah 42.1% (akhir tahun 2004: 40.3%).

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat

Pada asas bersih, jumlah yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM4.1 bilion telah diperoleh daripada pasaran modal pada bulan Ogos, sebahagian besarnya mencerminkan dana yang diperoleh sektor swasta melalui penerbitan hutang. Terbitan baru sekuriti hutang swasta (PDS) yang diterbitkan terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan pembinaan berjumlah RM3.8 bilion. Setelah mengambil kira penebusan bernilai RM1.8 bilion, sebanyak RM2 bilion telah diterbitkan dalam pasaran PDS. Pada asas bersih, sektor awam memperoleh RM2

bilion, kebanyakannya daripada penerbitan semula MGS 1/05. Sebaliknya, dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti lebih rendah pada RM29.4 juta.



* Termasuk nota jangka pertengahan

Pada bulan Ogos, dana yang diperoleh lebih tinggi, terutamanya melalui pasaran hutang.

KLCI bertambah baik pada bulan September berikutan minat pembelian baru

Pada bulan Ogos, KLCI ditutup lebih rendah pada 913.56 (sejak akhir bulan Julai: -2.5%) disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung, kebimbangan yang meningkat mengenai kenaikan harga minyak dunia serta jangkaan inflasi yang meningkat. Permodalan pasaran merosot kepada RM706.4 bilion (sejak akhir bulan Julai: -2.6%). Urus niaga purata harian pada bulan itu lebih rendah pada 410.1 juta unit (Julai: 472.8 juta unit).



KLCI bertambah baik berikutan minat pembelian baru

Walau bagaimanapun, keadaan pasaran bertambah baik sedikit pada tiga minggu pertama bulan September disebabkan minat pembelian baru. Pada 27 September, KLCI ditutup pada 927.71 (meningkat 1.5% sejak akhir bulan Ogos) dengan permodalan pasaran pada RM716.49 bilion (meningkat 1.4% sejak akhir

bulan Ogos). Namun, dagangan merosot sedikit, dengan urus niaga purata harian berjumlah 405 juta unit.

Rizab antarabangsa meningkat lagi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM304.3 bilion atau bersamaan USD80.1 bilion pada 30 Ogos 2005. Rizab bernilai RM304.4 bilion atau bersamaan USD80.2 bilion pada 15 September 2005. Paras rizab itu memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan terus kukuh dalam keadaan permodalan yang meningkat dan paras NPL yang lebih rendah

Nisbah modal teras (CCR) dan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) sistem perbankan meningkat dan menjadi kukuh masing-masing kepada 10.9% dan 13.6% pada akhir bulan Ogos 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh kegiatan menambah modal serta kemasukan keuntungan diaudit dua institusi perbankan tempatan yang mengimbangi pengembangan seterusnya dalam aktiviti pemberian pinjaman. Sementara itu, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan jatuh di bawah paras 5% kepada 4.9%. Ini berikutan penghapuskiraan yang berterusan dan pembayaran balik yang kukuh. Begitu juga, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga bertambah baik kepada 6.4% daripada jumlah pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Jun 05	Jul 05	Ogos 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.5	10.5	10.9
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.4	13.3	13.6
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	5.1	5.0	4.9
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	26,068	25,709	25,464
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan meningkat…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…dalam keadaan paras NPL yang terus menurun

Bank Negara Malaysia
28 September 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jun 05		Jul 05		Ogos 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.7	9.1	51.0	7.8	50.8	7.1
M1		116.5	11.0	117.0	12.5	118.7	12.2
M2		591.0	32.2	587.8	30.3	597.5	27.9
M3		652.3	12.8	648.8	11.6	655.4	12.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		668.6	14.4	664.9	13.9	673.4	14.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		533.8	8.3	534.4	8.7	539.6	8.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.5		77.1		77.0	
Nisbah pembiayaan-deposit[1] (%)		84.6		84.9		84.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		25.9	5.4	27.3	8.9	33.6	28.1
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.3	-10.0	18.2	10.6	18.2	27.1
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		45.8	7.9	41.7	1.3	44.2	14.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		40.3	9.8	41.3	-4.4	39.4	7.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.4		13.3		13.6	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.1		5.0		4.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		285.7		298.7		304.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		75.2		79.6		78.7	
Bilangan bulan import tertangguh		8.6		8.8		9.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antara bank:	Semalaman	2.69 [2.70]		2.70 [2.70]		2.69 [2.70]	
	Seminggu	2.73 [2.73]		2.72 [2.73]		2.71 [2.72]	
	1 bulan	2.83 [2.82]		2.83 [2.83]		2.83 [2.84]	
	3 bulan	2.84 [2.84]		2.86 [2.86]		2.89 [2.88]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.90		5.90		5.91	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		109.0	3.2	109.0	3.0	109.7	3.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		158.4	6.9	161.4	8.6	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.5948		4.5475		4.6027	
Paun Sterling		6.8685		6.5799		6.7605	
100 Yen Jepun		3.4469		3.3414		3.3985	
Dolar Singapura		2.2576		2.2565		2.2395	
100 Baht Thailand		9.2032		8.9757		9.1178	
100 Peso Filipina		6.7628		6.6759		6.7098	
100 Rupiah Indonesia		0.0391		0.0382		0.0346	
100 Won Korea		0.3699		0.3655		0.3648	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.2		1.4		2.0	
	swasta	1.2		-0.5		2.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		888.3		937.4		913.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		688.6		725.0		706.4	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.